

**KESAN PELAKSANAAN KORIDOR TENAGA
DIPERBAHARUI SARAWAK TERHADAP KOMUNITI
TEMPATAN: KAJIAN KES DI NOD PERTUMBUHAN
SAMALAJU**

DANIEL UGIH ANAK ECHOH

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2018**

**KESAN PELAKSANAAN KORIDOR TENAGA
DIPERBAHARUI SARAWAK TERHADAP
KOMUNITI TEMPATAN: KAJIAN KES DI NOD
PERTUMBUHAN SAMALAJU**

oleh

DANIEL UGIH ANAK ECHOH

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2018

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana memberikan kekuatan dan kesabaran kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Sokongan dan pengorbanan ahli keluarga tersayang merupakan perkara yang paling berharga dalam usaha membantu saya menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr Norizan Hj Md Nor dan Dr Sharifah Rohayah Sheikh Dawood selaku penyelia utama yang banyak memberikan pandangan, teguran dan bimbingan sepanjang pengajian ini. Begitu juga dengan Prof Madya Dr Tarmiji Masron selaku penyelia bersama yang banyak memberikan idea terutamanya untuk analisis ruangan. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr Salfarina Abdul Gapor, Encik Aziz Majid dan saudara Mohd Zulhafiz Said yang membantu dari aspek metodologi kajian. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada ketua-ketua kampung di Nyalau, SPU, RECODA, BDA, Pejabat Residen Bintulu dan Pejabat Daerah Bintulu kerana memberikan kerjasama dan pandangan dalam kajian ini. Akhir sekali, tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Y.Bhg. Tan Sri Amar Leonard Linggi dan Y.Bhg Tan Sri Alfred Jabu masing-masing selaku Pemegang Amanah dan Pengerusi Dayak Cultural Foundation, YB Datuk Alexander Nanta Linggi, YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, YB Malcom Mussen Lamoh, YB Dato' Seri Tiong King Sing dan YB Datuk Talib Zulphilip atas sokongan moral dan idea bagi menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang telah menyediakan biasiswa untuk pengajian ini melalui program biasiswa MyBrain15.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiv
GLOSARI	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
ABSTRAK	xix
ABSTRACT	xxi

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Isu dan permasalahan kajian	5
1.3	Persoalan kajian	8
1.4	Objektif kajian	8
1.5	Skop kajian	9
1.6	Kepentingan dan sumbangan kajian	9
1.7	Struktur dan organisasi tesis	10

BAB 2 - SOROTAN KARYA

2.1	Pengenalan	12
2.2	Definisi operasional	12
2.3	Ketidakseimbangan pembangunan	15
2.3.1	Ketidakseimbangan pembangunan di Malaysia	18

2.4	Perancangan pembangunan wilayah	33
2.4.1	Teori perancangan pembangunan wilayah	40
2.4.1(a)	Teori pusat pertumbuhan	41
2.4.1(b)	Teori ekonomi neoklasik	43
2.4.1(c)	Pendekatan pembangunan endogenous.	44
2.5	Dasar dan strategi perancangan pembangunan wilayah di Malaysia	46
2.6	Kajian lepas mengenai perancangan pembangunan wilayah	68
2.7	Status sosioekonomi Bumiputera selepas merdeka	78
2.8	Kerangka konseptual kajian	87
2.9	Rumusan	90

BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	91
3.2	Pendekatan dan reka bentuk kajian	91
3.3	Kaedah pengutipan data dan instrument kajian	93
3.3.1	Kaedah kuantitatif	97
3.3.1(a)	Soal selidik	97
3.3.2	Kaedah kualitatif	99
3.3.2(a)	Perbincangan berkumpulan	100
3.3.2(b)	Pemerhatian	101
3.3.2(c)	Temubual mendalam	103
3.4	Proses Penyelidikan	104
3.5	Persampelan	106
3.6	Kaedah menganalisis data	.110
3.6.1	Analisis data primer	.111

3.6.2	Analisis data sekunder	114
3.7	Latar belakang wilayah kajian	114
3.7.1	Demografi, status sosioekonomi dan pentadbiran	116
3.7.2	Latar belakang kawasan kajian	122
3.8	Cabaran dan batasan kajian	126
3.9	Rumusan	127

BAB 4 - LATAR BELAKANG NEGERI SARAWAK

4.1	Pengenalan	128
4.2	Negeri Sarawak	128
4.2.1	Demografi penduduk dan sistem pentadbiran	130
4.2.2	Ekonomi	134
4.2.3	Ketidakseimbangan pembangunan	150
4.2.4	Perancangan pembangunan wilayah	154
4.2.5	Proses perbandaran di Sarawak	168
4.2.6	Status sosioekonomi Bumiputera di Sarawak	172
4.2.7	Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak	178
4.2.7(a)	Nod Pertumbuhan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak	184
4.2.7(b)	Strategi dan kerangka pembangunan strategik Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak	192
4.2.7(c)	Pembangunan ruang	199
4.2.7(d)	Peruntukan dan pencapaian Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak	201
4.3	Nod pertumbuhan Samalaju	208

4.4	Rumusan	214
BAB 5 - KESAN EKONOMI PELAKSANAAN KORIDOR TENAGA		
DIPERBAHARUI SARAWAK TERHADAP BUMIPUTERA DI		
NOD PERTUMBUHAN SAMALAJU		
5.1	Pengenalan	215
5.2	Profil responden	216
5.2.1	Jenis pekerjaan utama dan sampingan	218
5.2.2	Bilangan isi rumah dan tahap pendidikan	219
5.2.3	Pendapatan utama dan sampingan	220
5.2.4	Wang simpanan dan tempat menyimpan wang	221
5.2.5	Hubungan pendidikan dengan pendapatan	222
5.2.6	Hubungan antara bilangan isi rumah dengan pendapatan	223
5.2.7	Hubungan umur dengan minat bekerja dengan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak	224
5.2.8	Hubungan tahap pendidikan dengan minat bekerja dengan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak	226
5.3	Pengetahuan responden mengenai kewujudan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak di nod pertumbuhan Samalaju	227
5.4	Jumlah responden yang memohon kerja dan bekerja dengan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak di nod pertumbuhan Samalaju.	228
5.5	Alasan responden tidak kerja dan bekerja dengan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak di nod pertumbuhan Samalaju	229
5.6	Kesan ekonomi pelaksanaan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak terhadap Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju	233
5.6.1	Peluang pekerjaan	234

5.6.2	Pendapatan	239
5.6.3	Wang simpanan	243
5.6.4	Kemudahan asas	245
5.6.5	Infrastruktur	247
5.6.6	Peluang ekonomi lain	253
5.6.7	Persaingan dengan pekerja asing untuk mendapatkan pekerjaan	257
5.6.8	Kos hidup	260
5.6.9	Kehilangan tanah pusaka	261
5.6.10	Harga tanah	264
5.6.11	Hasil tangkapan sungai dan laut	265
5.7	Rumusan	268

BAB 6 - KESAN SOSIAL DAN ALAM SEKITAR PELAKSANAAN

KORIDOR TENAGA DIPERBAHARUI SARAWAK TERHADAP BUMIPUTERA DI NOD PERTUMBUHAN SAMALAJU

6.1	Pengenalan	269
6.2	Kesan sosial pelaksanaan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak terhadap Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju	269
6.2.1	Aktiviti sosial dan kemasyarakatan	270
6.2.2	Bilangan pekerja asing	273
6.2.3	Konflik antara penduduk dengan agensi kerajaan dan pemaju	276
6.2.4	Peningkatan jumlah pengguna jalan raya	280
6.2.5	Masalah sosial dalam kalangan pekerja asing	282

6.2.6	Masalah sosial dalam kalangan remaja	284
6.2.7	Masalah kesihatan	285
6.2.8	Hakisan budaya dan warisan	287
6.2.9	Semangat perpaduan	290
6.2.10	Kadar jenayah	293
6.2.11	Kemalangan jalan raya	294
6.3	Kesan alam sekitar pelaksanaan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak terhadap Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju	298
6.3.1	Pencemaran sungai	298
6.3.2	Pencemaran laut	300
6.3.3	Pencemaran udara	302
6.3.4	Hakisan pantai	304
6.3.5	Keluasan hutan	305
6.3.6	Ancaman terhadap spesis haiwan dan tumbuhan	308
6.3.7	Pencemaran bunyi dan cahaya	310
6.4	Rumusan	313

BAB 7 - NOD PERTUMBUHAN SAMALAJU SEBAGAI PUSAT

PERTUMBUHAN WILAYAH BARU

7.1	Pengenalan	314
7.2	Nod pertumbuhan Samalaju muncul sebagai pusat pertumbuhan wilayah baru	315
7.2.1	Nod pertumbuhan Samalaju sebagai pusat pembangunan ekonomi	318
7.2.2	Nod pertumbuhan Samalaju sebagai pusat pembangunan	

	sosial	321
7.2.3	Nod pertumbuhan Samalaju sebagai pusat pembangunan alam sekitar	323
7.3	Nod pertumbuhan Samalaju sebagai pusat pembangunan status sosioekonomi Bumiputera	325
7.4	Rumusan.	327
BAB 8 - KESIMPULAN DAN CADANGAN		
8.1	Pengenalan	331
8.2	Rumusan hasil kajian	331
8.3	Cadangan kajian.	337
	8.3.1 Cadangan untuk pembuat dasar	337
	8.3.2 Cadangan untuk kajian pada masa hadapan	340
BIBLIOGRAFI		350
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Idea mengenai ketidakseimbangan pembangunan .16
Jadual 2.2	KDNK per kapita, sumbangan KDNK dan agihan pendapatan mengikut negeri di Semenanjung Malaysia, 1985 22
Jadual 2.3	Indeks komposit pembangunan mengikut negeri, 2005. 25
Jadual 2.4	Pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar mengikut negeri, 2001-2015 27
Jadual 2.5	Negeri penyumbang utama KDNK negara, 2015 28
Jadual 2.6	Kadar pertumbuhan negeri-negeri di Malaysia sehingga tahun tahun 2015. 29
Jadual 2.7	Perbezaan sektor ekonomi utama di setiap negeri di Malaysia, 2015. 30
Jadual 2.8	Dasar pembangunan di Malaysia 47
Jadual 2.9	Program pembangunan tanah dalam perancangan pembangunan wilayah, 1971-1990. 50
Jadual 2.10	Pembahagian kawasan di Malaysia mengikut wilayah .52
Jadual 2.11	Pelaburan mengikut koridor ekonomi wilayah, 2011-2014 82
Jadual 2.12	Pencapaian guna tenaga Bumiputera dalam beberapa jenis program di bawah DEB, 1970-1990 82
Jadual 2.13	Peratusan kadar kemiskinan di Malaysia, 1970-1990 83
Jadual 3.1	Sumber dan jenis-jenis data 97
Jadual 3.2	Jumlah penduduk dan responden kajian 106
Jadual 3.3	Jumlah responden mengikut kampung dan sektor pekerjaan 108
Jadual 3.4	Jumlah responden mengikut kategori dan teknik penyelidikan 110

Jadual 3.5	Jumlah penduduk di Daerah Bintulu mengikut etnik dan kewarganegaraan, 2015	116
Jadual 3.6	Data keluasan, populasi Bumiputera dan bukan Bumiputera di Bahagian Bintulu, 2015	117
Jadual 3.7	Jenis-jenis sumber semula jadi di tiga daerah dalam kawasan kajian	120
Jadual 4.1	Jumlah penduduk di Sarawak mengikut etnik, 2013-2014	131
Jadual 4.2	Jumlah penduduk di Sarawak mengikut bahagian, 2014	132
Jadual 4.3	Kawasan nod pertumbuhan SCORE termasuk pentadbiran mengikut bahagian, daerah dan daerah kecil di Sarawak	133
Jadual 4.4	Peratus keluaran dalam negeri kasar mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar (2010 = 100), 2012-2015, Sarawak dan Malaysia	136
Jadual 4.5	Peratusan penglibatan buruh mengikut sektor di Sarawak, 2012-2014	138
Jadual 4.6	Jumlah pekerjaan nasional mengikut sektor industri utama, 2010-2014	141
Jadual 4.7	Jumlah pekerjaan wilayah dan mengikut sektor industri utama, 2010-2014	142
Jadual 4.8	Nilai komponen agihan nasional	144
Jadual 4.9	Komponen campuran industri	146
Jadual 4.10	Komponen sisihan wilayah mengikut sektor pekerjaan di Sarawak, 2010-2014	147
Jadual 4.11	Pengkhususan atau penumpuan mengikut sektor di Sarawak, 2012-2014	148

Jadual 4.12	Taburan dan jenis industri mengikut bahagian di Sarawak, 2015	161
Jadual 4.13	Jumlah pelaburan yang diluluskan MIDA di Sarawak, (2010-2014)	163
Jadual 4.14	KNDK per kapita mengikut negeri berdasarkan harga semasa (RM) 2012-2014.	164
Jadual 4.15	Insiden kemiskinan mengikut negeri, 1970-2014	166
Jadual 4.16	Peratusan penduduk di bandar-bandar utama di Sarawak, 1980-2001	169
Jadual 4.17	Pengambilan pelajar Bumiputera Sarawak di bawah program teknikal, TEGAS, 2012-2015.	176
Jadual 4.18	Latar belakang sosioekonomi dan nod pertumbuhan SCORE	185
Jadual 4.19	Sektor ekonomi utama SCORE	187
Jadual 4.20	Jenis-jenis sektor asas di Daerah Bintulu	188
Jadual 4.21	Kerangka pembangunan strategik SCORE	196
Jadual 4.22	Program pembangunan ruang dan jangkaan impak daripada SCORE	199
Jadual 4.23	Peruntukan dan perbelanjaan SCORE, 2015	202
Jadual 4.24	Pencapaian dan pelaksanaan beberapa projek SCORE, 2015	204
Jadual 4.25	Kontraktor Bumiputera terlibat dengan projek SCORE sehingga tahun 2015	206
Jadual 4.26	Guna tanah di luar kawasan projek nod pertumbuhan Samalaju	209
Jadual 4.27	Guna tanah di kawasan projek nod pertumbuhan Samalaju	210
Jadual 4.28	Kontraktor Bumiputera terlibat dengan projek SCORE di nod pertumbuhan Samalaju sehingga tahun 2015	213
Jadual 5.1	Profil sosioekonomi responden kajian.	217

Jadual 5.2	Jenis pekerjaan utama responden	218
Jadual 5.3	Jenis-jenis pekerjaan sampingan responden	219
Jadual 5.4	Bilangan isi rumah responden	219
Jadual 5.5	Tahap pendidikan responden	220
Jadual 5.6	Pendapatan utama responden	221
Jadual 5.7	Pendapatan sampingan responden	221
Jadual 5.8	Jumlah responden yang mempunyai wang simpanan	222
Jadual 5.9	Jenis-jenis wang simpanan responden	222
Jadual 5.10	Ujian <i>Chi Square</i> pendidikan dengan pendapatan	223
Jadual 5.11	Ujian <i>Chi Square</i> antara bilangan isi rumah responden dengan pendapatan	224
Jadual 5.12	Hubungan umur responden dengan minat bekerja dengan projek SCORE di nod pertumbuhan Samalaju	225
Jadual 5.13	Hubungan tahap pendidikan dengan minat responden bekerja dengan projek berkaitan dengan projek SCORE	226
Jadual 5.14	Jumlah responden memohon pekerjaan mengikut syarikat di nod pertumbuhan Samalaju	228
Jadual 5.15	Faktor-faktor responden tidak bekerja dengan projek SCORE di nod pertumbuhan Samalaju	230
Jadual 5.16	Responden yang bekerja dengan projek SCORE mengikut kampung	234

SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 2.1	Pekali gini antara bandar dan luar bandar di Malaysia, 1979-2014	31
Rajah 2.2	Pertumbuhan sebenar mengikut negeri (%), 2011-2020	32
Rajah 2.3	Model IOBD untuk penilaian pembangunan	67
Rajah 2.4	Pendapatan isi rumah sebagai purata pendapatan, 1970	78
Rajah 2.5	Status kemiskinan untuk setiap kumpulan etnik, 1970	79
Rajah 2.6	Pemilikan dan penguasaan sektor korporat di Malaysia, 1970	80
Rajah 2.7	Pekali gini antara kumpulan etnik, 2009-2014	85
Rajah 2.8	Kerangka konseptual kajian	89
Rajah 3.1	Proses penyelidikan	105
Rajah 3.2	Lokasi Bahagian Bintulu	115
Rajah 3.3	Jumlah penduduk mengikut warganegara di Daerah Bintulu, 2010-2015	118
Rajah 3.4	Jumlah penduduk mengikut warganegara di Daerah Tatau, 2010-2015	119
Rajah 3.5	Lokasi empat kampung kajian dalam nod pertumbuhan Samalaju.	123
Rajah 4.1	Negeri Sarawak	129
Rajah 4.2	Peratusan sumbangan setiap sektor kepada KDNK Sarawak, 2014-2015	137
Rajah 4.3	Peratus kemiskinan di negeri Sarawak, 1979-2014	149
Rajah 4.4	Nod pertumbuhan utama SCORE	179
Rajah 4.5	Analisis keadaan ekonomi negeri Sarawak sekiranya tanpa dan ada koridor.	181
Rajah 4.6	Model koordinatif SCORE/RECODA.	183

Rajah 4.7	Strategi pembangunan SCORE	193
Rajah 4.8	Taman Perindustrian Samalaju	208
Rajah 4.9	Guna tanah di nod pertumbuhan Samalaju .	211
Rajah 5.1	Pengetahuan responden terhadap kewujudan project SCORE di nod pertumbuhan Samalaju.	227
Rajah 5.2	Syarikat-syarikat tempat responden memohon kerja	233
Rajah 5.3	Kategori pekerjaan responden yang bekerja dengan projek SCORE di nod pertumbuhan Samalaju	236
Rajah 5.4	Jenis pekerjaan responden dalam projek SCORE di nod pertumbuhan Samalaju	239
Rajah 5.5	Hasil hutan dijual di pasar penjajaj di kampung Hulu Nyalau	241
Rajah 5.6	Keadaan jalan raya di kampung Kuala Nyalau	248
Rajah 5.7	Jalan tanah dan batu yang menghubungkan kampung Kuala Nyalau dengan Nyalau Tengah dan jalan raya utama	249
Rajah 5.8	Jalan raya di pintu masuk ke Sekolah Kebangsaan Kampung Nyalau	250
Rajah 5.9	Pasar penjaja di kampung Hulu Nyalau	252
Rajah 5.10	Analisis ruangan mengenai kesan ekonomi semasa pelaksanaan projek SCORE di nod pertumbuhan Samalaju	267
Rajah 6.1	Pondok keselamatan yang didirikan oleh penduduk di pintu masuk ke kampung Kuala Nyalau	292
Rajah 6.2	Analisis ruangan terhadap kesan sosial semasa pelaksanaan projek SCORE di nod pertumbuhan Samalaju.	297
Rajah 6.3	Analisis ruangan terhadap kesan alam sekitar semasa pelaksanaan projek SCORE di nod Pertumbuhan Samalaju	312

GLOSARI

BDA	Lembaga Kemajuan Bintulu
DARA	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DWN	Dasar Wawasan Nasional
ECER	Wilayah Ekonomi Pantai Timur
EPU	Unit Perancang Ekonomi
ETP	Program Transformasi Ekonomi
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan
GTP	Program Transformasi Kerajaan
IADP	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu
IM	Iskandar Malaysia
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
LCDA	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak
MARA	Majlis Amanah Rakyat
NCR	Native Customary Rights
NCER	Wilayah Ekonomi Koridor Utara
NIB	Negara Industri Baru

NPS	Nod Pertumbuhan Samalaju
PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan
PPRT	Program Peningkatan Rakyat Termiskin
RECODA	Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah
RGC	Pusat Pertumbuhan Desa
RIDA	Rural and Industrial Development Authority
RRJP	Rangka Rancangan Jangka Panjang
SALCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak
SCORE	Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak
SDC	Koridor Pembangunan Sabah
SEDC	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
SLDB	Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPU	Unit Perancang Negeri
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TEGAS	Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera Sarawak
TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputera
TVET	Pendidikan Kemahiran Vokasional dan Teknikal

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Etnik dan pendapatan
Lampiran 2	Pendapatan dan kampung
Lampiran 3	Pendapatan dan pendidikan
Lampiran 4	Pendapatan dan gender
Lampiran 5	Pendapatan dan isi rumah
Lampiran 6	Borang soal selidik
Lampiran 7	Panduan soalan perbincangan berkumpulan dan temubual mendalam

**KESAN PELAKSANAAN KORIDOR TENAGA DIPERBAHARUI
SARAWAK TERHADAP KOMUNITI TEMPATAN: KAJIAN KES DI NOD
PERTUMBUHAN SAMALAJU**

ABSTRAK

Walaupun perancangan pembangunan wilayah seperti dalam koridor telah dilaksanakan, tetapi ketidakseimbangan pembangunan masih berlaku di mana kemiskinan dalam kalangan Bumiputera masih wujud terutamanya di Sarawak. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji kesan pelaksanaan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak di nod pertumbuhan Samalaju terhadap status sosioekonomi Bumiputera di kawasan tersebut. Empat objektif kajian ini iaitu untuk mengenalpasti kesan pelaksanaan projek koridor tersebut terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar di petempatan komuniti Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju. Kajian ini juga mengkaji hala tuju nod pertumbuhan Samalaju sebagai pusat pertumbuhan wilayah baru. Seramai 305 orang komuniti Bumiputera telah dipilih sebagai responden daripada kampung Kuala Nyalau, Nyalau Tengah, Rumah Sagoh dan Hulu Nyalau. Proses pengutipan data dilakukan menggunakan gabungan kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif. Responden dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan, teknik pemilihan rawak dan *snow ball*. Kajian berbentuk kualitatif dilakukan menggunakan teknik temubual mendalam, perbincangan kumpulan berfokus dan melalui pemerhatian. Sementara kajian berbentuk kuantitatif pula melibatkan survei melalui temubual bersemuka. Data kualitatif dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan sementara data kuantitatif pula dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan kesan ekonomi, sosial dan alam sekitar daripada projek tersebut adalah berbeza

mengikuti lokasi dan jarak petempatan responden di antara keempat-empat kampung yang dikaji dengan projek tersebut dan jalan raya utama. Dari aspek ekonomi, projek tersebut telah membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk di kampung Kuala Nyalau, Nyalau Tengah dan Hulu Nyalau. Projek tersebut turut mendatangkan kesan sosial seperti peningkatan kesesakan lalu lintas, kemalangan jalan raya dan kes kecurian hasil pertanian. Manakala dari aspek alam sekitar, pencemaran merupakan masalah utama di kampung Kuala Nyalau, Nyalau Tengah dan Hulu Nyalau. Nod pertumbuhan juga mempunyai hala tuju yang cerah untuk membangun sebagai pusat pertumbuhan wilayah baru yang berperanan sebagai pusat pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar terutamanya untuk komuniti Bumiputera di Nyalau.

**THE IMPACTS OF THE IMPLEMENTATION OF SARAWAK CORRIDOR
OF RENEWABLE ENERGY TO LOCAL COMMUNITY: CASE STUDY IN
SAMALAJU GROWTH NODE**

ABSTRACT

Although regional development planning through economic corridor approaches has been implemented, the development imbalances still occur whereby the poverty incidents among Bumiputera community especially in Sarawak still persist. There are four objectives of this study which are to identify the economic, social and environmental impacts of the Sarawak Corridor of Renewable Energy to the Bumiputera community in Samalaju Growth Node as well as to identify the direction of Samalaju Growth Node as a new regional growth centre. A total of 305 Bumiputera respondents from Kampung Kuala Nyalau, Rumah Sagoh, Nyalau Tengah and Hulu Nyalau were involved in this study. Data collection was conducted using a mixed of qualitative and quantitative research methods. The respondents were selected using a purposive sampling method, random sampling and snow ball technics. Qualitative studies were conducted using in-depth interviews, focus group discussions and observation while quantitative studies utilizing survey techniques through face to face interview. The qualitative data were analyzed using content analysis method while quantitative data was analyzed using Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) software. The findings among four villages surveyed showed the economic, social and environmental impacts of this project are different based on the location and distance of the Bumiputera's settlements to the main road and industrial projects. In terms of economic aspect, the finding showed that it had open job opportunities and increased the population's income in Kampung Kuala

Nyalau, Nyalau Tengah and Kampung Hulu Nyalau. The finding showed the problems arised in terms of social aspect, such as the increase in traffic congestion and accident, plus an increase to bulgary in the plantation area owned by the communities. It was found also that pollution is the main concern, focusing in Kampung Kuala Nyalau, Nyalau Tengah and Hulu Nyalau. Meanwhile, Samalaju Growth Node has a bright direction as a new growth centre for economic, social and environmental development especially for Bumiputera community in Nyalau.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Ketidakseimbangan pembangunan telah mendatangkan perbezaan status sosioekonomi penduduk antara kawasan di sesebuah negara (Goodchild & Janelle, 2004; Nunn dan Puga, 2007; Linda, L et al, 2010). Fenomena ini berpunca daripada masalah sosioekonomi pada masa lampau dan Perang Dunia Kedua yang berakhir sekitar tahun 1950an dan 1960an sehingga dunia berdepan dengan masalah sosial seperti kemiskinan, pengangguran dan jangkitan pelbagai penyakit. Bertitik tolak daripada isu tersebut, fokus pembangunan bertujuan menyediakan pembangunan yang seimbang melalui pembangunan industri dan teknologi (Therborn, 2004; Pieterse, 2000), pembangunan sosial (Christens & Speer, 2006); sains (Sillitoe, 2000); perancangan pembangunan (Escobar, 1992) dan pengeluaran (Roberts, 1995).

Walaupun bagaimanapun, pembangunan yang dilakukan banyak tertumpu kepada usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui penjana pendapatan semata-mata dan usaha mengimbangi pembangunan tidak diberikan penekanan. Isu pertumbuhan dan pengagihan pertumbuhan muncul kerana walaupun pertumbuhan berlaku, tetapi peratusan kemiskinan sesetengah kumpulan, kawasan, sektor dan etnik masih berlaku seperti di negara Kesatuan Eropah (Vanhove dan Klaassen, 1987), Amerika Syarikat (Friedmann dan Bloch, 1990) dan dalam kalangan negara sedang membangun seperti di Asia. Dengan erti kata lain, impak pembangunan ekonomi yang dilaksanakan tidak berupaya mengimbangi pembangunan antara kawasan seperti antara bandar dan luar bandar di mana kawasan luar bandar masih mundur. Hal ini demikian kerana

pembangunan ditumpukan di kawasan bandar dan kawasan yang telah maju. Kesan penganda ekonomi lebih banyak dinikmati oleh penduduk di kawasan bandar sedangkan kawasan luar bandar terus mundur dan bergantung kepada sektor pertanian yang kurang menguntungkan. Penurunan keseluruhan dalam angka kemiskinan tidak dapat diimbangi oleh pertumbuhan penduduk yang berlaku dengan pantas (World Bank, 1999). Sementara itu, walaupun negara industri baharu mencatatkan peningkatan pendapatan yang tinggi, tetapi usaha mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan kadar penyerapan buruh, mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan dan usaha mengurangkan kebergantungan teknologi tidak dapat dilakukan (Todaro, 1989). Agihan pendapatan global menunjukkan trend ketidakseimbangan pembangunan yang semakin meningkat (Brown dan Kane, 1995; Roemer, 1998).

Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan pembangunan yang sedia ada gagal mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan yang berlaku kerana fokus pembangunan yang mengutamakan pertumbuhan ekonomi semata-mata. Sistem ekonomi kapitalis dikritik kerana hanya menguntungkan golongan pemodal sedangkan buruh mengalami kerugian akibat pembangunan yang mementingkan pertumbuhan pesat. Kesannya, negara-negara miskin yang mengamalkan sistem tersebut gagal mengurangkan kemiskinan dan ketidakseimbangan pembangunan walaupun mencapai pertumbuhan ekonomi (Marx, 1952). Kawasan yang dijadikan pusat ekonomi utama membangun dengan cepat sehinggakan kawasan mundur tidak mampu mengejar pertumbuhan ekonomi di kawasan yang telah maju. Ketidakseimbangan pembangunan ini turut berpunca daripada masalah dualisme kerana agihan pendapatan penduduk tidak setara pada peringkat permulaan

pembangunan. Pembangunan tertumpu kepada sektor moden seperti perkhidmatan dan pembuatan yang berasaskan teknologi tinggi dan dinikmati oleh golongan minoriti. Manakala majoriti penduduk masih terlibat dalam sektor tradisional yang kurang produktif seperti aktiviti pertanian di luar bandar dan tidak mampu mengejar pertumbuhan dalam sektor moden (Lewis, 1954). Perbezaan pulangan ekonomi daripada kedua-dua jenis sektor ekonomi tersebut menyebabkan komuniti di bandar menikmati hidup yang lebih berkualiti hasil daripada pendapatan dan kemudahan di bandar yang lebih baik berbanding komuniti luar bandar yang kebanyakannya masih miskin. Negara di Asia Tenggara termasuk Malaysia juga tidak terlepas daripada berdepan dengan masalah ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan dan etnik. Ketidakseimbangan merupakan antara dua perkara yang sering menjadi tumpuan dalam setiap rancangan pembangunan lima tahun di Malaysia.

Dasar-dasar pembangunan yang telah dilaksanakan dilihat masih kurang berjaya mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan yang berlaku sama ada antara kawasan bandar dan luar bandar mahu pun antara etnik. Walaupun perancangan pembangunan wilayah melalui pembangunan tanah dan koridor ekonomi telah dilaksanakan, ketidakseimbangan pembangunan terus berlaku terutamanya di wilayah kurang membangun seperti di negeri Sabah dan Sarawak. Banyak program pembangunan ekonomi yang dilaksanakan kurang mendatangkan manfaat kepada komuniti Bumiputera di luar bandar kerana isu-isu berkaitan dengan ruang geografi yang berbukit bukau dan sukar dihubungi. Isu pengagihan pertumbuhan dan ketidakseimbangan pembangunan ini disusuli dengan satu aliran pemikiran baharu yang berpegang kepada prinsip “agihan bersama pertumbuhan” yang dilihat berpotensi mewujudkan pembangunan yang seimbang. Oleh itu, pendekatan

pembangunan berasaskan model agihan bersama pertumbuhan menerusi peningkatan pendapatan golongan miskin sangat penting dalam hal ini (Nor Aini Idris dan Ishak Yusof, 2009). Isu ketidakseimbangan pembangunan ini perlu diberi perhatian kerana corak pembangunan yang berbeza mengikut kawasan atau lokasi turut mempengaruhi kualiti hidup dan status sosio-ekonomi penduduk seperti di Afrika (Nunn dan Puga, 2007). Masalah ini juga menyebabkan terdapat masyarakat yang merasakan diri tidak mendapat keadilan dalam pembangunan (Goodchild dan Janelle, 2004). Perkara ini ditegaskan oleh Lall Somik dan Sanjoy Chakravorty (2005) yang menyifatkan bahawa perbezaan letakan industri dilihat sebagai penyebab utama perbezaan pendapatan di negara sedang membangun (Goodchild dan Janelle, 2004; Kim, 2008; World Bank, 2009). Di Malaysia, keseimbangan pembangunan dan status sosioekonomi antara kawasan dan etnik merupakan keutamaan kerajaan dalam melaksanakan agenda pembangunan negara sejak tahun 1970. Pemahaman yang mendalam mengenai masalah ketidakseimbangan pembangunan yang melibatkan kawasan dan status sosioekonomi antara etnik yang menjadi fokus kajian ini sangat penting terutamanya dalam konteks perancangan pembangunan wilayah. Hal ini demikian kerana perancangan pembangunan wilayah merupakan satu pendekatan yang digunakan untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan di negara ini.

1.2 Isu dan permasalahan kajian

Malaysia merupakan sebuah negara sedang membangun yang berjaya dari segi pertumbuhan ekonomi termasuk mengurangkan kadar kemiskinan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 6.3 peratus pada tahun 2002 (Allaudin Anuar, 2003). Pencapaian ini berpunca daripada tiga faktor utama iaitu; satu-satunya ekonomi yang dinamik di Asia Tenggara; sistem ekonomi terbuka dengan komitmen mengurangkan kemiskinan dan pengagihan semula pembangunan melalui strategi pertumbuhan; dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) (World Bank, 1993). Sejak merdeka, ekonomi negara bergantung kepada hasil komoditi yang kurang menguntungkan kerana kesan pengganda ekonomi yang kecil dan berdepan dengan ketidakstabilan harga di pasaran antarabangsa.

Bertitik tolak daripada itu, sistem ekonomi negara telah berubah daripada sistem ekonomi pertanian kepada ekonomi berasaskan perindustrian (Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin, 2002). Sektor perindustrian dilihat mempunyai kesan pengganda ekonomi yang besar dan mempunyai peluang pasaran yang luas serta mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk di negara ini. Persoalan yang timbul ialah sejauh manakah pertumbuhan ekonomi ini berjaya mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan dan etnik seperti di bandar dan luar bandar? Walaupun pertumbuhan ekonomi berlaku tetapi masalah ketidakseimbangan pembangunan mengikut kaum dan kawasan geografi masih tinggi (Asan Ali, 2008). Pertumbuhan ekonomi yang mengharap proses penitisan ke bawah untuk dinikmati oleh golongan miskin dan mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan antara penduduk kurang berjaya kerana

proses ini berlaku dengan perlahan (Dowling, 1984; Jomo dan Ishak, 1986; Chamhuri & Mohd Haflah, 1988). Strategi perancangan pembangunan wilayah melalui DEB dapat meningkatkan pendapatan di kawasan dan golongan sasaran namun masalah ketidakseimbangan pendapatan termasuk ketidaksetaraan agihan pendapatan antara kaum mengalami peningkatan setelah dasar tersebut berakhir pada tahun 1990 (Poo Bee Tin dan Rahmah Ismail, 2009). Ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan dan etnik seperti di Sarawak yang menjadi fokus kajian ini berpunca daripada faktor yang berbeza berbanding di Semenanjung Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Bab Empat. Perancangan pembangunan wilayah dan pembangunan secara umum sukar dilaksanakan di Sarawak kerana petempatan penduduk yang berselerak dan saiz muka bumi yang besar dan bergunung ganang.

Kajian oleh Madeline (2003) menjelaskan bahawa tidak ada kajian yang memberikan tumpuan terhadap pencapaian Bumiputera minoriti seperti Iban, Bidayuh, Melanau dan pelbagai etnik Orang Ulu (Kelabit, Tagal, Lun Bawang, Lahanan dan sebagainya) selepas DEB dan DPN berakhir. Sementara kajian oleh Jayum (2000) dan Madeline (2000, 2001) pula hanya menyentuh persoalan mengenai kedudukan politik dan ekonomi Bumiputera minoriti di Sarawak. Kerajaan sememangnya berjaya mengurangkan kemiskinan melalui peningkatan pendapatan Bumiputera di Sarawak. Namun begitu, kejayaan ini kurang jelas dalam konteks pengagihan semula kekayaan negara kepada Bumiputera minoriti di Sarawak kerana masalah pemilikan modal fizikal, aset korporat dan modal insan berbanding etnik bukan Bumiputera (Madeline, 2003). Sarawak yang dikategorikan sebagai wilayah yang kurang membangun sebelum ini masih berdepan dengan isu kemiskinan yang tinggi walaupun kadar

kemiskinan secara makro semakin berkurangan iaitu daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 5.7 peratus pada tahun 2004 (Madeline et al., 2006). Antara etnik yang mencatatkan insiden kemiskinan tertinggi di Sarawak adalah etnik Bumiputera minoriti seperti Iban, Bidayuh dan etnik Orang Ulu yang terdiri daripada Kayan, Kenyah, Kadayan dan sebagainya (Madeline et al., 2006; Madeline, 2001; Ngidang, 2000; Jayum, 2000; Nair, 2000). Kajian mengenai kedudukan sosioekonomi Bumiputera kurang mengambilkira dari sudut perancangan pembangunan wilayah. Tumpuan banyak diberikan kepada impak selepas program perancangan pembangunan wilayah dijalankan sedangkan usaha mengkaji impak di peringkat awal pelaksanaan program tersebut jarang diambil kira terutamanya dari segi impak kepada komuniti.

Dasar perancangan pembangunan wilayah di Sarawak kurang berfokus dan kurang jelas sehingga Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak diperkenalkan pada tahun 2008. Dalam perancangan pembangunan wilayah melalui koridor tersebut, pembangunan berasaskan ruang telah dijadikan sebagai fokus utama pembangunan di mana nod pertumbuhan diperkenalkan. Nod pertumbuhan diwujudkan untuk membangunkan kawasan kurang maju dan seterusnya meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera di kawasan tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji status sosioekonomi Bumiputera di Sarawak kesan daripada pelaksanaan projek koridor tersebut di nod pertumbuhan Samalaju. Rasional pemilihan nod pertumbuhan Samalaju sebagai nod kajian akan dijelaskan dalam Bab Empat.

1.3 Persoalan kajian

Persoalan utama kajian ini adalah; i) apakah kesan ekonomi pelaksanaan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak terhadap komuniti Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju?; ii) apakah kesan sosial pelaksanaan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak terhadap komuniti Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju?; apakah kesan alam sekitar pelaksanaan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak terhadap komuniti Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju?; dan apakah hala tuju nod pertumbuhan Samalaju sebagai pusat pertumbuhan wilayah baru?

1.4 Objektif kajian

Kajian ini mempunyai empat objektif utama:-

- i. Untuk mengkaji kesan ekonomi pelaksanaan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak terhadap komuniti Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju.
- ii. Untuk meneliti kesan sosial pelaksanaan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak terhadap komuniti Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju.
- iii. Untuk mengenalpasti kesan alam sekitar pelaksanaan projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak terhadap komuniti Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju.
- iv. Untuk mengkaji hala tuju nod pertumbuhan Samalaju sebagai pusat pertumbuhan wilayah yang baru.

1.5 Skop kajian

Bagi memastikan kajian ini lebih memfokus dari segi kawasan, pengkaji telah membataskan kajian ini kepada skop yang lebih kecil iaitu hanya tertumpu di nod pertumbuhan Samalaju yang terletak di daerah Bintulu. Hal ini bermaksud kajian ini tidak mengambilkira kawasan nod pertumbuhan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak yang lain seperti Mukah, Tunoh, Baram dan Tanjung Manis. Manakala responden kajian pula melibatkan komuniti Bumiputera di nod pertumbuhan Samalaju seperti yang dinyatakan dalam Bab Tiga. Isu yang dikaji pula tertumpu kepada sosioekonomi Bumiputera dalam konteks kesan perancangan pembangunan wilayah di nod pertumbuhan Samalaju. Sementara dari segi bidang kajian pula, kajian ini melibatkan kajian dalam bidang geografi manusia yang melihat isu ketidakseimbangan pembangunan sebagai fokus kajian.

1.6 Kepentingan dan sumbangan kajian

Kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan oleh agensi kerajaan untuk menentukan pengagihan kemudahan asas dan program sosioekonomi di kawasan-kawasan yang masih ketinggalan terutamanya di kawasan petempatan komuniti Bumiputera. Kajian ini juga penting untuk mengkaji keberkesanan dasar perancangan pembangunan wilayah dan program pembangunan sosioekonomi Bumiputera di Sarawak serta bantuan-bantuan dan subsidi yang telah diperkenalkan. Hal ini kerana usaha mengurangkan masalah ketidakseimbangan pembangunan antara etnik dan kawasan masih belum memuaskan. Tambahan pula, kebanyakan program pembangunan lepas dilakukan berdasarkan konseptualisasi umum terhadap penyebab dan impak kemiskinan (Madeline et., al, 2006) tanpa mendapatkan maklum balas secara langsung daripada komuniti itu sendiri. Dari sudut dunia akademik pula, kajian ini

akan menjadi pelengkap kepada kajian perancangan pembangunan wilayah terdahulu yang melaksanakan pendekatan dan strategi yang berbeza dengan fokus kajian ini. Untuk disiplin geografi, kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada dunia akademik dan mempelbagaikan disiplin terutamanya kepada bidang geografi dan perancangan pembangunan wilayah. Kajian ini juga dapat menyumbang dan memperkayakan sorotan kajian geografi wilayah terutamanya dalam aspek pembangunan sosioekonomi Bumiputera. Selain itu, kajian ini dapat meningkatkan pemahaman mengenai keupayaan bidang ilmu geografi mengupas isu ketidakseimbangan pembangunan dan sosioekonomi masyarakat daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi dan budaya. Pengkaji juga berharap kajian ini akan dijadikan sebagai rujukan dan panduan agensi kerajaan agar lebih bersifat terbuka dan mengamalkan pendekatan dari bawah (bottom down) ke atas (bottom up) dalam dasar pembangunan supaya pendekatan yang melibatkan kumpulan sasaran dalam proses politik dan membuat keputusan pada peringkat tempatan dapat diperkukuhkan. Akhir sekali, kajian ini dapat memantapkan mekanisme pelaksanaan rancangan pembangunan serta memperkasakan penyertaan penduduk dalam rancangan pembangunan khususnya etnik Bumiputera dan kawasan luar bandar.

1.7 Struktur dan organisasi tesis

Bab pertama tesis ini membincangkan isu utama kajian, persoalan kajian, objektif kajian, sumbangan, kepentingan kajian, skop kajian serta struktur dan organisasi tesis. Fokus bab ini adalah untuk membincangkan permasalahan kajian kerana permasalahan merupakan persoalan intelektual yang perlu diterokai oleh pengkaji. Bab kedua pula membincangkan sejarah ketidakseimbangan pembangunan, isu pembangunan di Malaysia, perancangan pembangunan wilayah, kajian-kajian lepas

mengenai perancangan pembangunan wilayah dan sosioekonomi Bumiputera dan kerangka konseptual. Sementara Bab tiga pula membincangkan metodologi kajian yang merangkumi strategi kajian, kaedah pengutipan data dan kaedah menganalisis hasil kajian serta cabaran dan batasan kajian. Manakala bab empat pula membincangkan perancangan pembangunan wilayah yang merangkumi latar belakang negeri Sarawak seperti maklumat demografi penduduk, ekonomi, dasar dan isu ketidakseimbangan pembangunan, sosioekonomi Bumiputera dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak. Manakala Bab lima hingga bab tujuh pula akan menjawab persoalan-persoalan kajian. Di Bab lapan, bab ini memfokus kepada perbincangan dan rumusan keseluruhan kajian yang melibatkan implikasi dasar dan kajian masa hadapan berdasarkan hasil kajian.

BAB 2

PEMBANGUNAN PERAMBANGUNAN WILAYAH DAN KESAN KEPADA KOMUNITI

2.1 Pengenalan

Pertumbuhan merupakan satu matlamat pembangunan tetapi pertumbuhan yang tidak terkawal akhirnya mengundang ketidakseimbangan pembangunan di sesebuah negara. Pelbagai perdebatan mengenai punca dan cadangan untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan yang berlaku. Justeru, pemahaman yang mendalam melalui sorotan karya terhadap kajian-kajian lepas berkaitan dengan masalah ini adalah penting. Ini kerana, walaupun sesebuah negara mencapai pertumbuhan tinggi tetapi tiada satu pun yang berjaya mengurangkan masalah ketidakseimbangan ini (Ferreira dan Ravallion 2008). Dalam konteks kajian ini, usaha menyorot kembali fenomena ini, dasar pembangunan, perancangan pembangunan wilayah dan sosioekonomi Bumiputera juga perlu untuk membina kerangka pemikiran bagi menentukan hala tuju kajian ini. Oleh itu, bab ini akan membincangkan ketiga-tiga perkara ini termasuk kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini.

2.2 Definisi operasional

Dalam konteks kajian ini, empat konsep utama yang digunakan iaitu:-

1) Perancangan

Perancangan bermaksud tindakan mengambil berat terhadap arah tuju yang perlu dipilih untuk masa hadapan (Jenessen, 1992). Manakala Friedman (1964) pula mendefinisikan perancangan sebagai cara berfikir mengenai masalah sosial, ekonomi

dan perancangan yang khusus untuk masa hadapan. Dalam kajian ini, perancangan didefinisikan sebagai proses untuk mengenalpasti projek, kos, jangka masa dan hala tuju projek pembangunan sosioekonomi di sesebuah kawasan kurang membangun supaya dapat menikmati pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang seimbang;

2) Pembangunan

Pembangunan pula bermaksud proses yang bertujuan meningkatkan pengeluaran barangan ekonomi kepada penduduk (Kuznet, 1973) dan mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan serta mengurangkan kemiskinan mutlak (Seers, 1969). Walaubagaimanapun, masih ada komuniti yang tidak dapat menikmati faedah pembangunan tersebut kerana ketidakseimbangan pembangunan masih berlaku. Oleh itu, pendekatan pembangunan lestari diperkenalkan. Pembangunan lestari merujuk kepada pembangunan yang seimbang dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar tanpa sebarang kerosakan demi kepentingan generasi akan datang. Dalam konteks kajian ini, pembangunan bermaksud pembangunan yang seimbang dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar yang selari dengan pendekatan pembangunan lestari;

3) Wilayah

Wilayah merupakan satu pembentukan sempadan geografi yang melangkaui sempadan pemerintah atau politik negeri melalui pembentukan sempadan wilayah itu sendiri berdasarkan kepentingan perancangan pembangunan yang ditetapkan melalui kriteria sosial dan ekonomi (Bath, 1973). Selain itu, wilayah juga didefinisikan sebagai sistem hierarki tempat-tempat pusat atau bandar (Christaller, 1933 dan Losch, 1954). Kajian ini mendefinisikan wilayah sebagai satu kawasan pembangunan baru

yang bertujuan untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan dan meningkatkan status sosioekonomi komuniti setempat melalui pengenalan nod pertumbuhan baru;

4) Status sosioekonomi

Status sosioekonomi mempunyai takrifan yang berbeza-bebeza. Misalnya, status sosioekonomi ditakrifkan sebagai gabungan elemen-elemen ekonomi, sosial dan alam sekitar (Hugo, 1976). Selain itu, status sosioekonomi juga ditakrifkan sebagai sumber-sumber dan prestij yang dimiliki sesebuah masyarakat (Krieger, Williams & Moss, 1997). Sumber-sumber bermaksud barangan material seperti mempunyai rumah, kenderaan dan aset seperti wang simpanan. Manakala prestij pula melibatkan status dalam hierarki sosial dan ia ditentukan oleh tahap pendidikan dan profesion dalam sesebuah komuniti. Dalam konteks kajian ini, status sosioekonomi disifatkan sebagai gabungan elemen-elemen pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam sesebuah komuniti yang diperlukan untuk mencapai pembangunan yang seimbang. Antara faktor yang dilihat untuk mengkaji status sosioekonomi komuniti sebelum dan selepas projek SCORE dilaksanakan adalah termasuk pendapatan, pendidikan, pekerjaan, infrastruktur, kemasyarakatan, isu-isu alam sekitar dan sebagainya.

2.3 Ketidakseimbangan pembangunan

Ketidakseimbangan pembangunan seringkali merujuk kepada ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan bandar, luar bandar dan wilayah. Fenomena ini juga dikaitkan dengan sistem ekonomi kapitalis yang hanya menguntungkan pemilik modal dan merugikan golongan buruh dalam proses pembangunan yang beorientasikan pertumbuhan pesat semata-mata (Marx, 1952). Penawaran buruh berlaku pada kadar yang tinggi sedangkan permintaan terhadap buruh semakin berkurangan kerana sistem pengeluaran yang berintensifkan modal. Amalan sistem ekonomi kapitalis yang kebanyakannya diamalkan di negara dunia ketiga telah terbukti gagal mengurangkan kadar kemiskinan sehingga meningkatkan masalah ketidakseimbangan pembangunan antara penduduk.

Masalah ini juga berpunca daripada sistem dualisme ekonomi kerana pembangunan pesat dimonopoli oleh sektor moden sedangkan sektor tradisional lemah dan tidak mampu mengejar pertumbuhan dalam sektor moden (Lewis, 1954). Konsep pertumbuhan dengan pertumbuhan ekonomi seringkali digunakan dalam perbincangan mengenai pembangunan tetapi Ab. Razak Dan (2000) menyifatkan kedua-dua konsep ini seolah-olah tidak mempunyai perbezaan. Penggunaan KDNK dan KDNK perkapita agak terbatas kerana tidak mengambilkira pelbagai dimensi sosioekonomi lain yang turut berubah akibat proses pertumbuhan dan pembangunan yang berlaku (Meier dan Rauch, 2004). Berdasarkan pengalaman beberapa negara maju dan negara industri baru, pertumbuhan yang pesat telah melebarkan saiz ekonomi sesebuah negara dan mengurangkan kadar kemiskinan melalui peluang pekerjaan yang wujud, kadar upah dan produktiviti yang tinggi (Ab. Razak Dan, 2000). Namun begitu, pertumbuhan yang drastik masih tidak mampu membangunkan

sesebuah negara kerana masih ada kumpulan dan kawasan tertentu yang tidak menikmati hasil pembangunan seperti yang dinikmati oleh sesetengah pihak seperti di benua Afrika. Pendapat Ab. Razak Dan (2000) kurang tepat kerana Jepun yang menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang drastik turut berdepan dengan jurang pendapatan penduduk yang semakin tinggi. Begitu juga hasil kajian oleh Jacobs (1993) yang mendapati keadaan ekonomi yang tidak terkawal menyebabkan kadar inflasi yang tinggi, masalah pencemaran, masalah penyusutan sumber yang berlebihan sehingga mendatangkan kesan terhadap kesejahteraan hidup penduduk kerana hilang sumber tempat bergantung. Perdebatan mengenai isu, masalah dan cadangan mengenai ketidakseimbangan pembangunan ini telah melahirkan lima idea berkaitan fenomena ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Idea mengenai ketidakseimbangan pembangunan

Tokoh	Pandangan
Clark (1980), Mandel (1968), Secchi (1977) & Soja (1980)	Ketidakseimbangan ruang merupakan keadaan yang mesti wujud. Ia perlu di negara kapitalis untuk meneruskan proses pembangunan nasional.
Borts & Stein (1968), Hoover & Fisher (1949) & Hoover (1975)	Ciri-ciri pasaran bebas iaitu sifat saling mempengaruhi akan mewujudkan kesamaan atau keseimbangan ruangan.
Friedmann (1966), Hirschman (1958), Myrdal (1957) & Perroux (1950)	Matlamat keseimbangan ruangan boleh dicapai dalam jangka masa panjang tetapi campur tangan kerajaan adalah perlu untuk mempercepatkan kemajuan untuk mencapai matlamat tersebut.
Caney, Hudson & Lewis (1980), Holland (1976) & Stilwell (1978)	Ketidakseimbangan ruangan merupakan keadaan bersifat kekal dan campur tangan kerajaan adalah mustahak untuk mengurangkan keadaan ini.
Amin (1974), Baran (1957) & Frank (1979)	Keseimbangan ruangan hanya boleh diwujudkan jika sistem sosioekonomi dan politik negara dirombak sepenuhnya.

(Sumber: Pelbagai sumber)

Pandangan pertama dan kedua seperti yang dikemukakan oleh beberapa tokoh dalam Jadual 2.1 menjelaskan bahawa ketidakseimbangan pembangunan sebagai fenomena yang tidak dapat dielakkan sementara pandangan ketiga hingga ke lima mengaitkan kerajaan sebagai kumpulan penting dalam fenomena ini. Campur tangan kerajaan melalui dasar dan pelbagai program pembangunan untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan di negara ini adalah mirip dengan pandangan ketiga daripada Friedmann (1966), Hirschman (1958), Myrdal (1957) dan Perroux (1950). Begitu juga dengan pandangan keempat yang dikemukakan oleh Caney, Hudson & Lewis (1980), Holland (1976) dan Stilwell (1978) turut melihat campur tangan daripada kerajaan sangat penting untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan.

Perancangan pembangunan wilayah berasaskan koridor yang dikaji dalam kajian ini merupakan satu contoh campur tangan kerajaan untuk mengurangkan masalah ini melalui pengenalan nod pertumbuhan baru melalui sektor ekonomi yang telah dikenalpasti (Malaysia, 2006). Sementara itu, pandangan kelima yang dikemukakan oleh Amin (1974), Baran (1957) dan Frank (1979) yang menyifatkan keseimbangan ruang boleh diwujudkan melalui rombakan sosioekonomi dan politik negara dilihat kurang sesuai dilaksanakan di semua negara kerana perbezaan budaya, tahap pendidikan dan pelbagai faktor lain di sesebuah negara. Tambahan pula, rombakan sosioekonomi dan politik melibatkan kos yang besar dan memerlukan tempoh masa yang lama.

2.3.1 Ketidakseimbangan pembangunan di Malaysia

Ketidakseimbangan pembangunan di Malaysia terbahagi kepada ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar, wilayah dan antara etnik (Ghani Salleh, 2000). Penjajah British mengutamakan kepentingan-kepentingan mereka dalam aktiviti ekonomi yang menguntungkan (Asan Ali, 2004). Kebanyakan pembangunan tertumpu di kawasan-kawasan tertentu yang membawa faedah berbanding lebih tinggi iaitu “building upon the best” (Jomo & Ishak, 1986). Kawasan yang kurang menguntungkan seperti kawasan luar bandar yang didiami komuniti Bumiputera ketinggalan daripada menerima impak pembangunan ekonomi tersebut. Etnik Melayu dan India tinggal di kawasan luar bandar dan bekerja sebagai penanam padi manakala etnik India pula bekerja di estet getah. Manakala etnik Cina kebanyakannya tinggal di bandar dan terlibat dalam aktiviti perniagaan (Faaland et al, 1990) dan perusahaan yang lebih menguntungkan seperti industri perlombongan bijih timah (Nor Aini Idris & Ishak Yusoff, 2009).

Petempatan dan pekerjaan yang berbeza mengikut etnik dan kawasan ini menyebabkan status sosioekonomi antara etnik yang berbeza. Etnik Cina di bandar menikmati pelbagai kemudahan asas dan mempunyai pendapatan yang lebih baik berbanding etnik Melayu dan India yang bergantung kepada sumber pertanian di luar bandar. Dari segi ruang wilayah pula, pembangunan tertumpu di pantai Barat, bandar-bandar utama dan kawasan yang menguntungkan kerana kaya dengan sumber semula jadi seperti bijih timah (Mohd Yusof Kasim, 1988; Ibrahim Ngah, 2013). Kawasan Timur dan Utara tertumpu dengan aktiviti pertanian tradisional dan tanaman eksport seperti getah dan kelapa sawit secara besar-besaran sehingga tanaman makanan kurang dipedulikan (Jamal Ali, 2003). Hasil pertumbuhan

ekonomi digunakan untuk menyediakan infrastruktur fizikal untuk keperluan pemodal-pemodal di sektor getah dan perlombongan (Rudner, 1994). Penumpuan terhadap pembangunan industri utama dan infrastruktur oleh penjajah di kawasan pelabuhan di pesisiran pantai menyebabkan kawasan pantai Barat, Tengah dan Selatan membangun dengan pesat berbanding kawasan di pantai Timur dan sebahagiannya di Utara Semenanjung Malaysia. Kesan jangka masa panjang daripada dasar pembangunan sebelum merdeka ini menimbulkan tekanan dan ketidakseimbangan pembangunan yang berpanjangan. Misalnya, negara menunjukkan pergantungan kuat terhadap eksport getah dan bijih timah serta kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi.

Kesan lain yang berlaku adalah termasuk kos pembangunan sosial semakin tinggi dan ketidakseimbangan pengagihan pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar termasuk kadar pembangunan sumber manusia yang rendah untuk pembangunan (Malaysia 1966). Dasar-dasar pembangunan yang dilaksanakan kurang memberikan tumpuan ke arah mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan (Chamhuri Siwar & Nor Aini, 1996). Dasar yang diwujudkan seringkali terarah ke usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan industri yang berpotensi tinggi kekal ditumpukan di kawasan yang telah maju. Usaha melihat masalah ketidakseimbangan pembangunan dari konteks “wilayah” telah digunakan selaras dengan definisi dan peranan pembentukan wilayah sebagai persempadanan kawasan bermasalah. Menurut Ghaffar (1987), tiga faktor utama yang menyumbang kepada ketidakseimbangan wilayah iaitu :-

- i) Iklim dan pengagihan sumber semulajadi;
- ii) Kesan daripada dasar pemerintahan penjajah terhadap sosial, ekonomi dan struktur ruangan;
- iii) Ketidakpekaan terhadap peruntukan sumber berasaskan ruangan

Antara isu yang sering dibincangkan dalam konteks ketidakseimbangan pembangunan wilayah ialah taburan industri, aktiviti ekonomi dan jumlah pendapatan yang dijana kerana ukuran pembangunan diukur berdasarkan pendapatan wilayah dan pelbagai indikator sosioekonomi lain. Selepas merdeka, jumlah industri pembuatan di Semenanjung Malaysia adalah tinggi manakala di negeri Sabah dan Sarawak masih kurang diberikan penekanan. Perbezaan jumlah letakan industri setiap negeri telah mencatatkan perbezaan pertumbuhan ekonomi dari segi pulangan pendapatan dan peluang pekerjaan antara negeri dan wilayah. Negeri Sabah dan Sarawak dikategorikan sebagai miskin dan ketidakseimbangan pembangunan berlaku kerana sektor pertanian dan perhutanan tidak mencukupi untuk menjana peluang pekerjaan, pendapatan dan juga pertumbuhan ekonomi jangka panjang (Malaysia, 1966). Fenomena ini berpunca daripada ekonomi dualistik antara penduduk peribumi dengan komuniti lain di kedua-dua negeri tersebut (Malaysia 1976). Terdapat tiga jenis ketidakseimbangan sosioekonomi yang berlaku ketika itu iaitu:-

- i) Ketidakseimbangan pendapatan antara sektor ekonomi, lokasi dan etnik;
- ii) Ketidakseimbangan pemilikan dan kawasan terhadap kebajikan; dan
- iii) Ketidakseimbangan peluang pekerjaan antara lokasi dan etnik

(Sumber: Malaysia, 1971).

Pertumbuhan ekonomi tetap menjadi keutamaan pemerintah kerana negara ketika itu dalam proses mengubah sistem ekonomi pertanian kepada ekonomi berasaskan perindustrian (Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin, 2002). Pendekatan dan matlamat pembangunan ini seringkali menimbulkan dilema dalam usaha mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan di negara ini. Kesannya, sektor yang menguntungkan seperti sektor pembuatan terletak di wilayah yang telah maju seperti Johor, Selangor, Perak dan Pulau Pinang dan dilengkapi dengan kemudahan asas. Manakala wilayah mundur seperti Perlis, Kelantan, Kedah, Terengganu serta Sabah dan Sarawak terus bergantung dengan sektor yang kurang produktif seperti pertanian pada ketika itu (Hasnah Ali, 1991). Strategi pembangunan melalui industri ini sebenarnya telah meningkatkan semula ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah kerana pelabur lebih cenderung melabur di kawasan strategik. Wilayah mundur yang bergantung tinggi kepada pertanian semakin ketinggalan. Ini jelas menunjukkan pendekatan ekonomi kapitalis dan pergantungan tinggi terhadap sektor pertanian menyebabkan ketidakseimbangan pembangunan terus berlaku. Struktur ekonomi dan pencapaian pertumbuhan mengikut sektor di negeri-negeri maju seperti Selangor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ketika itu dapat dilihat dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2: KDNK per kapita, sumbangan KDNK dan agihan pendapatan mengikut negeri di Semenanjung Malaysia, 1985.

Negeri	Peratusan Sumbangan KDNK mengikut Sektor (%)			Nisbah pendapatan isi rumah purata dengan purata nasional	Insiden kemiskinan (%)	Populasi bandar (%)
	Pertanian & perhutanan	Perlombongan, Pembuatan, pembinaan & utiliti	Pengangkutan, perdagangan, kerajaan & perkhidmatan			
Johor	28	32	40	0.97	12.2	39.4
Kedah	48	14	38	0.63	36.6	15.2
Kelantan	39	16	45	0.57	39.2	29.8
Melaka	19	32	49	0.95	15.8	23.2
Negeri Sembilan	28	37	35	0.95	13	37.2
Pahang	45	20	35	0.87	15.7	25.4
Perak	22	39	39	0.8	20.3	32.9
Perlis	42	19	39	0.63	33.7	9.9
Pulau Pinang	5	46	49	1.08	13.4	54
Selangor	11	53	36	1.45	8.6	45.7
Terengganu	19	58	25	0.69	28.9	47
W.P Kuala Lumpur	0	23	77	1.75	4.9	100
Semenanjung Malaysia	19	43	38	1	18.4	41.1

(Sumber: Malaysia, 1981)

Negeri Selangor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan peratusan KDNK yang tinggi dalam sektor sekunder seperti perlombongan, pembuatan, pembinaan dan utiliti. Manakala negeri-negeri kurang maju seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Sabah dan Sarawak kebanyakannya bergantung kepada sektor primer kecuali Terengganu yang bergantung kepada aktiviti cari gali minyak di luar pantai mencatatkan peratusan KDNK yang kecil. Dari segi komposisi etnik, negeri-negeri miskin yang mencatatkan KDNK yang rendah kebanyakannya didiami etnik Bumiputera seperti Melayu (Ibrahim Ngah, 1993). Dalam konteks perbandaran pula, negeri maju juga mencatatkan populasi penduduk yang lebih tinggi berbanding negeri kurang maju. Perkara ini berlaku kerana adanya peluang pekerjaan serta pelbagai infrastruktur dan kemudahan asas di bandar akibat pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Keputusan pelabur yang memilih kawasan strategik bagi meningkatkan keuntungan melalui pelaburan dalam industri di negara ini menyebabkan usaha meningkatkan kedudukan sosioekonomi Bumiputera supaya setaraf dengan etnik Cina dan India masih tidak tercapai walaupun kadar kemiskinan berkurangan. Kajian oleh Spinanger (1986) ke atas sepuluh negeri di Malaysia untuk tempoh 1965 hingga 1990 mendapati ketidakseimbangan pembangunan menunjukkan penurunan marginal berdasarkan ukuran ralat pekali. Penurunan ini merupakan hasil program pembasmian kemiskinan terhadap golongan sasaran seperti nelayan, petani dan masyarakat peribumi di luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak (Mohammad Raduan dan Amaluddin B., 2002; Amaluddin & Mohammad Raduan 2003). Mulai tahun 2001, indeks pembangunan komposit iaitu satu indeks yang merangkumi dimensi pembangunan lebih umum telah mula

digunapakai. Negeri-negeri di Malaysia dibahagikan kepada dua kategori mengikut tahap pembangunan masing-masing seperti berikut:

- i. Negeri-negeri maju: Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan *Federal Territory of Kuala Lumpur*.
- ii. Negeri-negeri membangun; Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu.

(Sumber: Malaysia, 2001)

Pembahagian ini menunjukkan kawasan pantai Barat lebih maju daripada kawasan pantai Timur yang terdiri daripada negeri-negeri miskin yang bergantung kepada sektor pertanian dan mencatatkan populasi penduduk yang rendah. Walaubagaimana pun, pada tahun 2005, semua negeri mencatatkan pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup di bandar dan luar bandar bertambah baik. Namun begitu, jurang pembangunan antara negeri dan ketidakseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar telah meningkat (Malaysia, 2006). Banyak negeri yang mencatatkan KDNK yang rendah selama ini masih berada di belakang negeri-negeri maju dan ketidakseimbangan pembangunan juga masih berlaku. Kemiskinan melibatkan Bumiputera khususnya di bandar masih tinggi di semua negeri kurang maju seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Masalah ini berpunca daripada kurangnya kesan pengganda ekonomi daripada aktiviti utama di negeri-negeri tersebut seperti pertanian dan perhutanan. Semua negeri tersebut juga terletak jauh daripada pusat bandar-bandar utama yang menjadi tarikan pelabur seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor, Selangor dan ini menyebabkan semua negeri tersebut kurang menerima limpahan ekonomi yang terdapat bandar-bandar tersebut. Kekurangan infrastruktur seperti jalan raya dan jambatan yang menghubungkan